

31 JAN 2001

Abdullah-Pertemuan

UMNO TIDAK BANTAH HASRAT PAS BINCANG PERPADUAN NASIONAL

KUALA LUMPUR, 31 Jan (Bernama) -- Umno tidak membantah hasrat Pas untuk membawa agenda perpaduan nasional dalam pertemuan yang dicadangkan antara kedua-dua parti itu.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata keutamaan ketika ini ialah mengadakan pertemuan antara presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan Presiden Pas Datuk Fadzil Noor.

"Umno akan bercakap perkara berkaitan perpaduan Melayu dan jika Pas dalam pertemuan itu hendak bangkitkan perkara perpaduan nasional, itu tidak ada masalah.

"Yang pentingnya kedua-dua pemimpin perlu berjumpa," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Umno di sini hari ini.

Abdullah yang juga Timbalan Presiden Umno berkata kedua-dua pemimpin parti itu akan memperolehi banyak persefahaman mengenai pendekatan yang perlu diambil apabila pertemuan itu diadakan.

Abdullah berkata, Umno sejak awal lagi tidak menolak cadangan untuk membincangkan perpaduan nasional.

Umno telah mencadangkan agar pertemuan itu membincangkan isu perpaduan Melayu dan ini dipersetujui oleh Pas.

Bagaimanapun Pas baru-baru ini dilaporkan mahu mengkaji semula hasrat berkenaan kerana mahukan pertemuan itu merangkumi perbincangan mengenai perpaduan nasional.

"Kita tidak membantah, buat apa kita hendak bantah, itu hak dia nak cakap perkara itu...cuma soalnya yang mana hendak didahulukan," katanya.

Beliau berkata, Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob akan mengadakan pertemuan dengan Setiausaha Agung Pas Nasharuddin Mat Isa minggu depan bagi menyelesaikan perkara teknikal termasuk tarikh pertemuan itu.

Abdullah juga berkata, mesyuarat cawangan dan pemilihan bahagian Umno tidak lama lagi akan menggunakan senarai daftar ahli yang telah disahkan oleh ibu pejabat parti.

"Tidak ada lagi daftar lain yang boleh dipakai," katanya.

Abdullah berkata Umno mahu memastikan sebarang masalah dan kekeliruan berhubung pendaftaran ahli tidak berlaku menjelang mesyuarat cawangan dan bahagian pada Mac ini.

Beliau berkata, mesyuarat cawangan, bahagian dan perhimpunan agung parti tahun ini akan menggunakan pindaan perlembagaan parti yang baru setelah diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan.

-- BERNAMA

RZS AZZ MAI